

BAB 4: CUACA DAN IKLIM DI MALAYSIA

BAHAGIAN A

Arahan : Jawab **semua** soalan

4.1 Jenis dan Ciri Iklim di Malaysia

1. Antara yang berikut, pernyataan manakah benar tentang suhu di Malaysia?
 - I Min suhu tinggi dan hampir sekata sepanjang tahun
 - II Julat suhu tahunan kecil, iaitu 1°C hingga 3°C
 - III Julat suhu harian kecil, iaitu -2°C hingga 1°C
 - IV Min suhu tahunan rendah, iaitu 3°C
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
2. Apakah jenis iklim yang dialami di Malaysia?
 - A Iklim Laurentia
 - B Iklim Khatulistiwa
 - C Iklim Monsun Tropika
 - D Iklim Gurun Panas
3. Berdasarkan Jadual 1, berapakah julat suhu di bandar X?

Bulan	J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N	D
Suhu ($^{\circ}\text{C}$)	19	20	20	21	22	23	23	22	22	20	20	19

Jadual 1

- A 1°C
- B 19°C
- C 23°C
- D 4°C

4. Apakah jenis hujan yang di tunjukkan pada **Rajah 1**?



Rajah 1

- A Hujan Siklon
- B Hujan Perolakan
- C Hujan Sempadan
- D Hujan bukit

4.2 Pengaruh Cuaca dan Iklim terhadap Kegiatan Manusia di Malaysia

5. Apakah faktor fizikal yang menggalakkan kegiatan pertanian seperti di **Foto 1** giat dijalankan di Malaysia?




Foto 1: Pokok padi

- A Iklim yang panas dan lembab sepanjang tahun
- B Tanah lava bes yang subur dari letusan gunung berapi
- C Suhu yang sederhana sejuk di kawasan tanah tinggi
- D Bantuan baja subsidi dari pihak kerajaan

6. Pernyataan manakah **benar** berkenaan pengaruh cuaca dan iklim terhadap kegiatan manusia di Malaysia.
- I Kegiatan pembalakan tidak dijalankan di Malaysia kerana jumlah hujan yang sedikit telah menjejaskan pertumbuhan pokok di kawasan hutan semula jadi.
 - II Nelayan di pantai barat Semenanjung Malaysia tidak dapat turun ke laut semasa angin Monsun Timur Laut bertiup kerana laut yang bergelora.
 - III Suhu yang sederhana sejuk kerana terletak di kawasan tanah tinggi telah mempengaruhi kegiatan penanaman teh di Kundasang, Sabah.
 - IV Iklim yang panas dan lembab menggalakkan kegiatan pelancongan di Pulau Redang, Terengganu.
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

4.3 Kesan Kegiatan Manusia Terhadap Cuaca dan Iklim di Malaysia

7. Apakah kesan yang akan berlaku terhadap cuaca dan iklim akibat kegiatan manusia seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 2**?



Rajah 2

- A Bayu darat
B Pembentukan pelangi
C Kesan rumah hijau
D Hujan perolakan
8. Apakah kesan yang akan terjadi sekiranya hujan asid sering berlaku?
- A Bumi akan jadi semakin panas
B Cat pada dinding bangunan akan luntur dan tertanggal
C Populasi penduduk akan jadi semakin bertambah
D Aras air laut akan makin meningkat

9. Antara berikut, apakah faktor yang mempengaruhi kejadian seperti yang ditunjukkan dalam **Foto 2** di bawah?



Foto 2

- I Dari pembentukan kabus di waktu pagi
 - II Pembakaran hutan secara besar-besaran
 - III Letusan gunung berapi yang berlaku di negara jiran
 - IV Ketika hujan yang turun dengan lebat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

4.4 Perubahan Cuaca dan Iklim di Malaysia

10. Antara berikut, pernyataan manakah yang benar berkaitan El Nino dan La Nina?
- I El Nino menyebabkan negara-negara di barat Lautan Pasifik, termasuk Malaysia mengalami kemarau, walaupun sepatutnya menerima hujan lebat ketika itu.
 - II Fenomena La Nina akan mengakibatkan pembentukan awan yang tebal dan hujan lebat yang luar biasa sehingga menyebabkan berlaku banjir besar.
 - III Semasa El Nino, tiupan angin Timuran menjadi semakin kuat disebabkan oleh tekanan udara yang tinggi.
 - IV Fenomena El Nino dikaitkan dengan pemanasan suhu di permukaan Lautan Hindi yang luar biasa menyebabkan perubahan pola tiupan angin.
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV